

JENIS-JENIS AYAT DAN BENTUK AYAT**JENIS-JENIS AYAT**

- ✓ Ayat ialah sekumpulan perkataan yang diujarkan dengan intonasi yang betul, sempurna tanda bacanya dan mempunyai makna.

Ayat Penyata	Ayat yang digunakan untuk memberi keterangan tentang sesuatu hal atau menyatakan sesuatu hal. Contoh : Laporan kewangan itu telah disahkan oleh Awang Iqbal.
Ayat Tanya	Ayat yang digunakan untuk menanyakan sesuatu hal dan mesti di akhiri dengan tanda tanya (?) serta disertai kata penegas -kah. Contoh: Mengapakah kepala budak lelaki itu berbalut?
Ayat Perintah	Ayat yang digunakan untuk menyuruh, meminta sesuatu, memerintah atau melarang seseorang daripada melakukan sesuatu. • Terbahagi kepada empat jenis, iaitu ayat suruhan, ayat permintaan, ayat larangan dan ayat silaan. Contoh: Tolong jahitkan baju sekolah saya yang koyak.
Ayat Seru	Ayat yang digunakan untuk melahirkan perasaan takut, marah, sakit, sedih, terkejut, gembira dan sebagainya serta diakhiri dengan tanda seru (!). Contoh: Wah, hebatnya persembahan drama kumpulan kamu

NAMA : _____

TAHUN : 5

A) Nyatakan jenis ayat-ayat di bawah.

1. Hari Keluarga sekolah kami berjalan dengan lancar.
(_____)
2. Amboi, berlagaknya dia sejak berkawan dengan bos kami!
(_____)
3. Lepaskan anak-anak ikan itu ke dalam sungai semula.
(_____)
4. Pertandingan permainan tradisional itu akan di tangguhkan?
(_____)
5. Bagaimanakah budak lelaki itu boleh terjatuh ke dalam perigi?
(_____)
6. Tolong simpan pisau itu di dalam laci selepas kamu menggunakannya.
(_____)
7. Wah, cantiknya baju kurung yang dipakai oleh Shirley!
(_____)
8. Usah campurkan pakaian yang kotor dengan pakaian yang bersih.
(_____)
9. Ayah telah menebang pokok mangga di hadapan rumah kami.
(_____)
10. "Sila beri penjelasan tentang kejadian ini," kata Awang Uzair kepada Badrul.
(_____)

[10 markah]

BENTUK-BENTUK AYAT

NOTA TATABAHASA

- ✓ Ayat terbahagi kepada dua bentuk, iaitu **ayat tunggal** dan **ayat majmuk**.

Ayat Tunggal	Ayat Majmuk
➤ Ayat yang mengandungi satu <u>subjek</u> dan satu predikat	➤ Ayat yang mengandungi lebih daripada satu subjek atau predikat. ➤ Ayat ini dibina dengan mencantumkan dua atau lebih ayat tunggal menggunakan kata hubung.
Contoh: (Subjek) (Predikat) <u>Dayang Zaleha</u> sedang menaip surat	Contoh: (Subjek) (Predikat) <u>Kak Ijah</u> menyiram pokok bunga (Kata Hubung) sambil berbual dengan suaminya. (Predikat)

B) Pilih dan isikan JENIS-JENIS AYAT yang sesuai bagi ayat-ayat di bawah.

Ayat Seru

Ayat Majmuk

Ayat Larangan

Ayat Tunggal

Ayat Tanya

1. Mengapakah kasut sekolah awak basah?

(_____)

2. Dua ekor arnab telah dipelihara oleh Hisyam.

(_____)

NAMA : _____

TAHUN : 5

3. Jangan petik bunga mawar itu.

(_____)

4. Musawi memancing seekor ikan kerapu.

(_____)

5. Syabas, akhirnya kamu lulus juga dalam peperiksaan akhir tahun!

(_____)

6. Usahlah awak bersedih lagi.

(_____)

7. Pelajaran mestilah selalu diulangkaji supaya tidak lupa.

(_____)

8. Bagaimanakah awak menyelesaikan masalah itu?

(_____)

9. Makanan kegemaran Ashrol ialah ayam goreng.

(_____)

10. Wah, comel sungguh anak-anak kucing itu!

(_____)

[10 markah]